

**Usahawan Bumiputera Perlu Bijak Raih Peluang Program Transformasi
Bernama
11 November, 2012**

TASEK GELUGOR, 11 Nov (Bernama) -- Usahawan bumiputera perlu memainkan peranan penting dalam Program Transformasi Ekonomi dan meraih sepenuhnya peluang daripada potensi pertumbuhan baru yang akan dibangunkan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata untuk memastikan kaum bumiputera dapat bersama dalam arus perdana transformasi ekonomi, semua pihak perlu melipatgandakan usaha dan sedia bekerja lebih keras bagi menjaya serta memantapkan agenda golongan itu.

"Sesungguhnya, transformasi berskala besar ini akan memberi manfaat kepada segenap lapisan rakyat untuk menikmati faedah daripada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh.

"Program Transformasi Ekonomi membuka lebih banyak peluang bagi penyertaan semua rakyat untuk berkongsi, meraih dan menikmati manfaat penjanaaan kekayaan daripada pertumbuhan pesat ekonomi negara," katanya ketika merasmikan Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2012 di Dataran Transformasi Usahawan Kubang Menerong.

Pada majlis itu, Nor Mohamed turut menyampaikan Anugerah Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2011 kepada Presiden Alliance University College of Medical Sciences (AUCMS) Profesor Datuk Dr Zainuddin Wazir.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708633>